

Headline	Bank Islam menang dua anugerah berprestij		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	06 Nov 2014	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	178,211
Page No	L-19	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	200 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,953
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,859



Bank Islam menang dua anugerah berprestij

KUALA LUMPUR 5 Nov. - Bank Islam Malaysia Bhd. memenangi anugerah berprestij Kes Kewangan Islam Terbaik 2014 pada majlis Anugerah Kewangan Islam Global GIFA di Dubai, Emiriyah Arab Bersatu baru-baru ini.

Pengarah Urusannya, Datuk Seri Zukri Samat berkata, anugerah itu adalah bukti usaha berterusan Bank Islam dalam mengubah landskap kewangan Islam untuk menjadi lebih baik.

Katanya, Bank Islam di majlis berbeza turut menerima anugerah Top Merchant Acquirer for B2C daripada Malaysian Electronic Corporation Sdn. Bhd. (MyClear).

"Kami amat berbesar hati kerana diiktiraf untuk kerja kami. Sejak bermulanya transformasi kami pada 2007, kami telah mencatat kemajuan memuaskan dan ketara dalam mencapai cita-cita untuk menjadi Pemimpin Global dalam Perbankan Islam.

"Ia juga merupakan pengiktirafan kepada semua kakitangan Bank Islam yang telah bekerjasama sebagai satu pasukan dan menunjukkan komitmen serta visi bersama bagi memastikan kami berada di landasan betul untuk mencapai matlamat dalam perjalanan kami,"

katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Anugerah tersebut yang diberikan kepada kedua-dua Bank Islam dan Asian Institute of Finance merupakan pengiktirafan terhadap amalan terbaik Bank Islam yang telah diketengahkan oleh Asian Institute of Finance.

Sementara itu, penganugerahan Top Merchant Acquirer for B2C adalah berikutan prestasi cemerlang Bank Islam yang telah berjaya mencatatkan pertumbuhan lebih 15 peratus dalam bilangan Transaksi FXP B2C berbanding tahun lalu.

Anugerah tersebut disampaikan kepada Ketua Pegawai Operasi Bank Islam, Datuk Norasni Ayob pada majlis penganugerahan Top Bank & Merchants Recognition Awards di sini.

Mengulas tentang anugerah itu, Norasni berkata, ia menunjukkan komitmen Bank Islam dalam menyediakan jaminan keselamatan dan kemudahan perkhidmatan perbankan pada bila-bila masa dan di mana sahaja untuk membawa pembaharuan berterusan dalam industri digital.



ZUKRI SAMAT menerima Anugerah Kes Kewangan Islam Terbaik 2014 bersama-sama dengan wakil dari Asian Institute of Finance di Dubai, baru-baru ini.